



Ruj. Kami : Prk. ML. 76/01 JLD. 4(8)

Tarikh : 10 November 2012

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Tuan,

**SYARAT LESEN TAMBAHAN BAGI SEMUA BUKU LESEN VESEL  
DAN PERALATAN MENANGKAP IKAN.**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan aktiviti penyelewengan minyak bersubsidi oleh vesel menangkap ikan merupakan salah satu isu yang sering dibangkitkan. Oleh itu demi untuk mengelak/membentaras aktiviti berkenaan, tuan dikehendaki mengecop **SEMUA** buku lesen vesel dan peralatan menangkap ikan yang telah dikeluarkan kepada nelayan termasuk buku lesen dalam stok simpanan dengan syarat lesen seperti berikut:

Vesel tidak dibenarkan:

- i) Memiliki, membawa atau menyimpan bekas dalam struktur tetap atau mudah alih untuk simpanan bahan api di atas dek dan rumah kemudi vesel.
- ii) Menyimpan bahan api atau bekas simpanan bahan api di dalam petak simpanan ikan.

3. Saiz huruf bagi syarat lesen di atas hendaklah sama dengan saiz huruf syarat lesen sedia ada dan syarat berkenaan dicop di bahagian muka surat kosong di buku lesen. Cop syarat lesen hendaklah menggunakan 'stamp pad' yang menggunakan dakwat **MERAH**.

4. Arahan ini hendaklah dilaksanakan dengan segera.

Sekian, untuk tindakan tuan. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI JOHARI BIN RAMLI)**

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber  
b.p. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,  
Putrajaya.

s.k. Y.H. Dato' Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Y.Bhg. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Ketua Cawangan Perundangan – Memo tuan Prk.ML.08/84/P & PS  
bertarikh 23 Nov 2012 adalah  
berkaitan.